

14 NOV 2001

Syed Hamid-Visa

VISA : HUBUNGI WISMA PUTRA JIKA HADAPI KESUKARAN

KOTA BAHARU, 14 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang menghadapi kesukaran mendapatkan visa bagi melawat Amerika Syarikat (AS) hari ini diminta menghubungi Wisma Putra bagi mendapatkan bantuan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata rakyat negara ini terutama mereka yang mempunyai urusan perniagaan tetapi sukar mendapatkan visa boleh berhubung dengan Wisma Putra.

Wisma Putra akan mengemukakan masalah itu kepada kedutaan AS di Kuala Lumpur kerana negara itu telah menyatakan bahawa mereka yang pernah ke negara itu dan mempunyai visa tidak akan menghadapi masalah, katanya kepada pemberita di sini.

"Hanya orang yang tak pernah ke Amerika (Syarikat) akan mengambil masa yang panjang untuk dapat visa kerana (mereka) beranggapan ancaman keganasan adalah merbahaya," katanya selepas berucap pada majlis Wacana Belia di sini.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas laporan mengenai keputusan AS yang menetapkan lelaki Malaysia dan 27 negara lain yang berusia antara 16 hingga 45 tahun perlu menunggu 20 hari untuk kelulusan permohonan visa.

Beliau berkata Malaysia telah menyatakan pendirian bahawa langkah AS mengetatkan permohonan visa hanya kepada rakyat dari negara-negara Islam termasuk Malaysia merupakan satu tindakan yang tidak adil serta diskriminasi.

"Apabila media barat memperbesarkan isu visa itu, lama kelamaan orang Islam nak bergerak ke negara lain akan mempunyai masalah, pasal orang tengok orang Islam dari negara-negara tertentu itu, orang akan melahirkan kebencian dan orang ini akan dipandang seolah-olahnya datang dari negara-negara merbahaya, mungkin orang ini penganas," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia tidak membantah sekiranya AS mengetatkan syarat visa itu kepada semua negara tetapi dengan hanya mengkhususkan tindakan, ia akan memberi kesan buruk kepada negara yang terbabit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan pandangan Malaysia mengenai perkara itu kepada kerajaan AS, katanya.

-- BERNAMA

BD MOZ